

BAB 2

Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu

2.1

Sistem Pemerintahan

1. Sistem beraja diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu.
2. Sistem beraja terbahagi kepada dua, iaitu pusat dan wilayah.
3. Sistem pemerintahan kerajaan Alam Melayu:
 - Kerajaan Funan**
 - Raja dibantu oleh golongan agama dan tentera.
 - Tujuh buah wilayah diketuai oleh ketua wilayah yang terdiri daripada putera-putera raja yang digelar Raja Kecil.
 - Kerajaan Champa**
 - Raja dibantu oleh para pembesar.
 - Champa dibahagikan kepada lima wilayah.
 - Kerajaan Srivijaya**
 - Raja dibantu oleh Yuvaraja (Putera Mahkota), Pratiyuvaraja (Raja Muda) dan Rajakumara, golongan agama, tentera, pemungut cukai, hakim dan penjaga harta kerajaan.
 - Pentadbiran wilayah terbahagi kepada kedaduan yang ditadbir oleh Datu berketurunan raja dan Pradatuan yang ditadbir oleh Datu bukan berketurunan raja.
 - Kerajaan Angkor**
 - Raja dibantu oleh pembesar-pembesar.
 - Angkor dibahagikan kepada wilayah, daerah, daerah kecil dan kampung.
 - Kerajaan Majapahit**
 - Raja dibantu oleh Sapta Prabu (Majlis Penasihat Diraja) dan para pembesar.
 - Terdapat 14 wilayah dan setiap wilayah dipecahkan kepada Kabupaten, Kawadanan, Pakuwuan dan Kebuyutan.
 - Kerajaan Kedah Tua**
 - Ketua mengetuai pentadbiran pusat dan mengurus hal perdagangan dan keagamaan.
 - Kerajaan Gangga Nagara**
 - Raja mengetuai pentadbiran pusat dan berperanan dalam hal perdagangan dan hal ehwal keselamatan.
4. Struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu terdapat dua golongan, iaitu **golongan pemerintah** dan **golongan diperintah**.



Penilaian Tahap Penguasaan 2.1

1. Lengkapkan pernyataan berikut tentang sistem pemerintahan kerajaan di Alam Melayu. **TP 2**

Sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu ialah (a) _____.

Sistem ini terbahagi kepada pemerintahan (b) _____ dan (c) _____.

Terdapat dua golongan utama dalam struktur sosial masyarakat kerajaan Alam Melayu, iaitu

(d) _____ dan (e) _____.

2. Terangkan sistem pemerintahan yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu. **TP 3**

Sistem Pemerintahan Kerajaan Alam Melayu	Kerajaan Champa	(a) _____
	Kerajaan Funan	(b) _____
	Kerajaan Angkor	(c) _____
	Kerajaan Kedah Tua	(d) _____